

ROSLEE BIN HAJI ABBAS
DZULKIFLEE ABDULLAH BIN BINSIN

Fenomena Penghijrahan Belia Sabah dari Desa ke Bandar-bandar Utama di Malaysia

ABSTRACT

There has been for some time substantial concern regarding the loss of young people in rural communities. There is a sense that most rural communities offer few opportunities for their young people, requiring them to leave their urban communities, most likely not to return. While there is a considerable body of research on migration per se, relatively little is currently known about rural-to-urban youth migration areas in Sabah. Rural youth migration is nothing new in Malaysia. At any given time, young people will have an expectation to leave home to explore, pursue higher education, search for new job opportunities, and so on. The situation has fueled high rural-to-urban migration of youth in that age group, the phenomenon leads to further rural decline and urban destitution. The primary objective of this study is to determine the reason for rural-to-urban migration of youth and young adults of leaving the home community and/or state. This study also examines toward understanding the impact of these experiences on the rural-to-urban youth migration patterns of this age group. Our study is the result of one year conducting field research on rural-to-urban youth migration, with 30 of those days spent in the factories in the Klang valley, Shah Alam, Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP), and shopping malls to focus our investigation on the youth community employed in these factories.

Key words: *young people, rural community, urban community, and process of modernization and urbanization.*



Roslee bin Haji Abbas ialah Pensyarah pada Program Sosiologi & Antropologi Sosial, Sekolah Sains Sosial UMS (Universiti Malaysia Sabah). Beliau melanjutkan pengajian ke Southern New Hampshire University, USA, pada Ogos 1987 dan memperolehi ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Psikologi & Sosiologi) dan ijazah Sarjana pada 1990 dalam bidang Pembangunan Ekonomi Komuniti Antarabangsa di universiti yang sama. Bidang kepakaran beliau ialah pembangunan komuniti, belia, remaja dan masyarakat, devian sosial dan pembangunan sosial. Beliau boleh dihubungi untuk sebarang urusan akademi, dengan alamat e-mail: rosleeabbas@yahoo.com



Dzulkiilee Abdullah bin Binsin ialah Pensyarah pada Program Komunikasi, Sekolah Sains Sosial UMS (Universiti Malaysia Sabah). Beliau melanjutkan pengajian ke Indiana State University, USA, pada tahun 1985; dan memperolehi ijazah Sarjana pada tahun 1987 daripada universiti yang sama dalam bidang Pengurusan Penyiaran dan Penerbitan. Bidang kepakaran beliau ialah pengurusan penyiaran radio, sama ada untuk di bandar mahupun luar bandar. Beliau boleh dihubungi untuk sebarang urusan akademi, dengan alamat e-mail: dzulkifa@ums.edu.my

PENDAHULUAN¹

Migrasi merupakan perpindahan kekal dalam tempat perumahan dan ruang aktiviti seharian dijalankan. Penghijrahan manusia telah berlaku sejak 11,000 tahun yang lalu akibat daripada kesedaran masyarakat Zaman Batu terhadap limitasi ruang. Ia berpunca daripada tekanan-tekanan seperti populasi manusia semakin bertambah, keperluan makanan, perubahan cuaca dan dorongan-dorongan lain yang berkait rapat dengan ruang-lingkup di dunia ini yang luas pada masa tersebut (Fellmann, Getis & Getis, 2003:84).

Menurut J.D. Fellmann, A. Getis & J. Getis (2003:86) lagi, migrasi boleh dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu secara paksaan, secara sukarela dan perpindahan enggan (*reluctant relocations*). Migrasi secara paksaan boleh berlaku apabila keputusan perpindahan ke lokasi lain dibuat oleh orang lain selain daripada individu yang bermigrasi itu. Sebagai contohnya adalah sistem perhambaan yang dilalui oleh orang Afrika yang telah berlaku dari lewat abad ke-16 sehingga awal abad ke-19. Manakala perpindahan enggan adalah situasi yang dialami oleh sekumpulan manusia yang terpaksa dipindahkan ke kawasan baru untuk diusahakan berdasarkan kepada polisi kerajaan. Contoh yang paling sesuai adalah perpindahan 8 juta penduduk di Jawa ke lokasi-lokasi baru pada tahun 1969. Ia juga dikenali sebagai program kolonisasi atau transmigrasi yang terbesar dalam sejarah (Hardjono, 1977). Majoriti pergerakan migrasi manusia adalah terdiri daripada migrasi secara sukarela. Ia menggambarkan reaksi individu-individu terhadap faktor yang mempengaruhi keputusan-keputusan yang berkaitan dengan ruang. Perpindahan berlaku apabila individu-individu mendapati adalah perlunya untuk berpindah ke lokasi yang lain untuk memperbaiki keadaan hidup yang sedia ada.

Fenomena migrasi juga disebabkan oleh pertumbuhan populasi yang cepat (Kottak, 2000:124). Ia disusuli dengan peluang kerja yang berkurangan di kawasan luar bandar, khususnya di negara-negara kurang membangun. Apabila ekonomi tradisional di kawasan luar bandar berkurangan, mereka terpaksa mencari rezeki di kawasan bandar. Akan tetapi mereka juga menghadapi masalah untuk mencari pekerjaan akibat daripada tahap pendidikan mereka yang rendah. Apabila penduduk dalam negara kurang maju mula memperolehi tahap pendidikan yang lebih baik, mereka cuba mendapatkan peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik. Mereka juga berharap dapat melibatkan diri dalam budaya penggunaan antarabangsa, iaitu memiliki keselesaan hidup seperti pemilikan televisyen, peti sejuk, penghawa dingin, kenderaan dan sebagainya.

Penghijrahan dari desa ke bandar-bandar utama di Malaysia ialah satu fenomena yang tidak asing lagi bagi golongan belia dan beliawanis di seluruh negara. Penghijrahan belia dari desa ke bandar bukan perkara baru tetapi ianya satu fenomena yang berlaku sejak beberapa puluh tahun lalu. Fenomena

¹Kertas kerja kajian ini telah dibentangkan di persidangan antarabangsa *Borneo Research Council* ke-9 yang telah diadakan pada 29-31 Julai 2008 di UMS (Universiti Malaysia Sabah).

penghijrahan belia dari luar bandar ke bandar bukan sahaja berlaku di dalam konteks Malaysia pada hari ini tetapi fenomena ini juga sedang berlaku di negara-negara sedang membangun yang lain dan tidak terkecuali negara-negara maju. Ramai belia yang berasal dari luar bandar pada hari ini berhijrah ke bandar kerana pelbagai faktor yang menjadi pemangkin mereka berhijrah. Di Malaysia sahaja fenomena ini sentiasa berlaku, sebagai contoh belia dari kawasan-kawasan pendalaman Sabah seperti Tambunan, Kota Marudu, Kudat, Ranau akan berhijrah ke bandar-bandar utama di Malaysia seperti Kota Kinabalu, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan ke Johor Bahru. Mereka ini berhijrah kerana faktor peluang pekerjaan yang banyak di bandar-bandar utama di Malaysia.

Secara umumnya terdapat dua faktor utama yang mendorong penghijrahan belia ini, iaitu faktor penarikan dan faktor penolakan. Faktor tarikan sudah menjadi lumrah, ini kerana kemajuan dan pembangunan yang berlaku di bandar mendorong belia-belia luar bandar berhijrah seperti faktor peluang-peluang pekerjaan yang terbuka luas, ini disokong dengan pertumbuhan kilang-kilang yang menyediakan banyak peluang-peluang pekerjaan yang banyak sebagai contoh di Shah Alam, Selangor, Pulau Pinang, Johor Bahru dan bandar-bandar utama yang lain. Faktor kemudahan awam yang banyak juga telah menarik perhatian para belia luar bandar untuk berhijrah ke bandar. Umpamanya, di luar bandar kemudahan-kemudahan infrastruktur yang baik sukar didapati seperti hospital, klinik, jaringan jalan raya dan sebagainya. Kemudahan-kemudahan seperti ini mudah didapati di bandar-bandar besar yang memberikan keselesaan yang luar biasa kepada belia-belia. Selain itu, faktor pendidikan, peluang-peluang perniagaan, dan pertumbuhan pusat-pusat hiburan menjadi pokok persoalan penghijrahan belia ke bandar. Faktor kemiskinan sebagai tolakan juga diambil kira sebagai punca kenapa belia berhijrah ke bandar. Di Malaysia kadar kemiskinan masih tinggi, seperti di Sabah kadar kemiskinan pada tahun 1992 adalah 34.3 peratus; Terengganu 31.2 peratus; Kedah dan Kelantan masing-masing dengan kadar 29.9 peratus (*Dewan Masyarakat*, Julai 1992).

Sejak zaman penjajahan British, pembangunan ekonomi dan sosial yang tidak seimbang di antara bandar dan luar bandar di Malaysia telah menyebabkan corak penghijrahan belia dari luar bandar ke bandar berlaku dengan pesatnya. Semasa penjajahan British, tumpuan pembangunan hanya tertumpu pada pantai barat Semenanjung Malaysia, iaitu Kuala Lumpur, Ipoh, Negeri Sembilan dan Pahang; manakala wilayah lain seperti Pantai Timur telah diabaikan. Perkembangan di Sabah dan Sarawak pula kurang pesat. Menjelang tahun-haun 1960-an, kerajaan telah menggalakkan "Dasar Penggantian Import". Ia telah menggalakkan perkembangan industri ringan di bandar-bandar, sementara sektor pertanian mula diabaikan. Pergantungan kepada sektor pertanian dikurangkan berikutan dengan harganya yang tidak stabil dan hasilnya tidak tetap. Menjelang tahun 1980-an, Malaysia mula menggalakkan perkembangan industri berat termasuk industri besi dan keluli, serta industri pengeluaran kereta Proton Saga. Perkembangan yang begitu pesat

ini memang memerlukan tenaga buruh sama ada mahir, separuh mahir, mahupun tidak mahir yang banyak. Keadaan ini telah menarik perhatian para belia di luar bandar berhijrah ke bandar untuk mendapatkan pekerjaan yang dianggap lebih baik dan menjamin. Ini disebabkan pendapatan yang ditawarkan adalah lebih lumayan dan tetap berbanding dengan pendapatan di luar bandar di mana hasil pertaniannya tidak tetap.

Kadar kemiskinan yang tinggi mencapai 58.7% pada tahun 1970; dan 50.2% pada tahun 1980 telah mendesak para remaja berhijrah ke bandar bagi mencari pekerjaan yang lebih tinggi pendapatannya, berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Rancangan Malaysia ketiga. Selain kemunduran dari aspek ekonomi, kekurangan kemudahan sosial yang lengkap di luar bandar turut mendesak para belia berhijrah ke bandar untuk menikmati kemudahannya yang lebih sempurna seperti pendidikan tinggi, perubatan dan kemudahan hiburan. Di sesetengah tempat yang mundur, bekalan air dan elektrik masih tidak dapat dinikmati oleh mereka. Menurut pengiktirafan yang dibuat oleh badan dunia, iaitu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), belia adalah golongan yang berumur di antara 15 hingga 25 tahun. Justeru itu di Malaysia, belia pada hari ini menjelang tahun 2020 adalah mereka yang berumur 41 tahun hingga 56 tahun. Manakala mereka yang berumur 17 tahun pada hari ini akan berumur 33 hingga 43 tahun pada tahun 2020. Oleh yang demikian, 50 peratus daripada penduduk negara adalah di kalangan belia dan remaja (*Dewan Masyarakat*, November 1994).

Perkataan "penghijrahan", menurut White P. Wood (1980), ialah satu pergerakan dari satu tempat (negara, bandar, rumah) ke kawasan yang lain. Mengikut hukum migrasi yang dibuat oleh R.J. Pryor (1969), migran akan berpindah menuju ke pusat utama perniagaan dan perindustrian. Penghijrahan ini bukan sahaja berlaku di dalam konteks Malaysia pada hari ini tetapi fenomena serupa juga berlaku di negara-negara sedang membangun yang lain, tidak terkecuali negara-negara maju.

Ramai belia yang berasal dari luar bandar pada hari ini berhijrah ke bandar disebabkan oleh pelbagai faktor. Di Malaysia sahaja fenomena ini sentiasa berlaku. Belia-belia dari desa Sabah terlalu ghairah untuk berhijrah ke bandar-bandar utama di Malaysia akibat daripada faktor-faktor penolak dari tempat asal dan faktor-faktor penarik dari bandar. Belia-belia dari desa yang berhijrah ke bandar telah menimbulkan natijah kepada penduduk-penduduk desa dalam usaha membangunkan desa dari pelbagai aspek. Ini kerana belia merupakan aset yang paling penting dan penggerak kepada pembangunan desa secara menyeluruh. Justeru itu, tenaga belia amat berharga dan bermakna. Oleh itu, penghijrahan belia-belia dari kampung perlulah diminimalkan dan diatasi dengan bijak-bijaknya.

Penghijrah biasanya terdiri daripada golongan muda yang belum berumahtangga. Kebanyakan mereka adalah lelaki; walaupun tidak (seperti berlaku di Amerika Latin), golongan lelaki yang berhijrah terlebih dahulu daripada wanita. Beberapa kajian menunjukkan bahawa terdapat berbagai-

bagai faktor “tolakan” dan “tarikan”. Belia-belia luar bandar sering berkhayal tentang keindahan bandar dan ingin melepaskan diri daripada keadaan di desa: kelaparan, kemiskinan, pengangguran, kekurangan peluang atau kebuluran. Sebaliknya, sungguhpun hidup di bandar terdapat risiko, orang masih tertarik dengan berbagai-bagai peluang yang boleh didapati, sekurang-kurangnya dari segi prinsip, dan untuk yang bernasib baik maka pendidikan, kesihatan, perkhidmatan kebajikan dan taraf hidup juga akan lebih baik, termasuk juga pekerjaan ataupun sekurang-kurangnya cara untuk mencari nafkah. Selain daripada itu beberapa tarikan lain yang walaupun agak lebih samar-samar tetapi benar: tarikan kepada keindahan lampu warna-warni, keseronokan cara/gaya hidup moden (walaupun meletihkan); sifat pandangan luas berbanding dengan apa yang disebut oleh Marx secara kurang tegas sebagai “kedunguan kehidupan desa”, maka beramai-ramailah belia luar bandar berhijrah ke bandar (dalam Gilbert & Gugler, 1982).

Kajian ini bertujuan untuk meninjau sejauh mana faktor-faktor penolakan dan penarikan itu dapat memainkan peranan penting di dalam menentukan proses penghijrahan belia dan beliawanis Sabah yang berasal dari desa atau luar bandar ke bandar-bandar utama di Malaysia. Faktor-faktor penolak yang membawa masalah penghijrahan dari kampung ke bandar termasuklah kemiskinan, taraf sosio-ekonomi yang rendah dalam pelbagai aspek, kekurangan infrastruktur, dan sebagainya. Manakala faktor penarik adalah seperti peluang pekerjaan yang terbuka luas, pertumbuhan kilang-kilang yang menyediakan pelbagai peluang pekerjaan, kemudahan infrastruktur yang baik, faktor pendidikan, peluang-peluang perniagaan, dan pertumbuhan pusat-pusat hiburan yang menjadi pokok persoalan pengijrahan belia ke bandar. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat pengaruh radio terhadap belia luar bandar ini membuat keputusan untuk berhijrah ke bandar-bandar utama di Malaysia.

REKABENTUK, SUBJEK DAN KEPUTUSAN KAJIAN

Kajian ini adalah gabungan pelbagai kaedah kajian kualitatif dan kuantitatif yang melibatkan kajian yang menggunakan borang soal selidik dan kaedah temubual berstruktur. Ia dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti hubungan di antara setiap faktor taraf hidup, faktor pembangunan negara dan pengaruh media elektronik dengan tingkah-laku penghijrahan di kalangan golongan belia dari pelbagai kategori sekitar Lembah Klang, termasuk Kuala Lumpur, pusat membeli belah di Kuala Lumpur, sekitar bandaraya Kota Kinabalu dan Sepangar Bay.

Pemilihan responden adalah dihadkan kepada belia yang dalam lingkungan umur di antara 18 tahun hingga 31 tahun. Dua ratus responden yang terdiri daripada lelaki dan perempuan telah dipilih secara rawak (termasuk belia yang menganggur).

Sebanyak 200 set soal selidik telah ditadbirkan untuk keseluruhan responden kajian ini. Daripada 200 set borang soal selidik yang telah ditadbirkan kepada responden, hanya 110 soal selidik yang telah dikembalikan.

Didapati seramai 83 orang lelaki dan 27 orang perempuan telah menyertai kajian ini. Min usia bagi subjek kajian ini ialah 23.66.

Keputusan kajian ini adalah berdasarkan kepada 7 hipotesis yang telah dikemukakan dengan menggunakan SPSS, iaitu ujian-t, khi kuasa dua dan Cronbach Alpha untuk menganalisis data. Untuk melihat hubungan di antara taraf hidup belia yang merangkumi dua bahagian, iaitu keselesaan dan kepuasan, metod khi kuasa dua telah digunakan. Keputusan analisis menunjukkan bahawa majoriti responden mengesahkan bahawa persetujuan tahap tinggi berbanding dengan rendah dan sederhana adalah signifikan pada aras keertian 0.0001. Nilai min skor (purata) bagi setiap item juga mengesahkan bahawa majoriti responden memberikan tahap persetujuan yang tinggi kepada semua item. Nilai sisihan piawai yang rendah menunjukkan para responden memberikan tahap persetujuan yang berhampiran dengan min.

Kesimpulannya, responden bersetuju bahawa kesemua item berikut (mengikut susunan keutamaan) adalah menunjukkan sebab penghijrahan: (1) Tiada peluang pendidikan tinggi di luar bandar; (2) Peluang pekerjaan amat terhad; (3) Pendapatan di bandar lebih tinggi daripada di luar bandar; (4) Persekitaran di luar bandar tidak dapat menjana minda ke tahap yang diinginkan; (5) Pekerjaan utama di luar bandar seperti pertanian dan perikanan tidak dapat meningkatkan taraf kehidupan; (6) Peluang untuk meningkatkan pendapatan di luar bandar adalah rendah; (7) Kehidupan di luar bandar membawa kepada kemunduran dari aspek ekonomi dan minda; (8) Kurang terdapat pusat-pusat sumber seperti perpustakaan; dan (9) Keadaan di tempat asal terlalu daif.

Keputusan ini bermakna, pada kesignifikan ini hipotesis 1 yang menyatakan terdapat hubungan di antara taraf hidup belia adalah diterima. Respon para responden ke atas isu penghijrahan menyumbang kepada permasalahan sosial juga dibahagikan kepada tiga tahap persetujuan, iaitu Rendah, Sederhana dan Tinggi. Taburan frekuensi dan peratusan menunjukkan bahawa majoriti responden memberikan tahap persetujuan yang tinggi kepada semua item permasalahan sosial, *kecuali* "Membaca atau Menyaksikan Bahan Berunsur Lucah". Ujian chi-square mengesahkan bahawa persetujuan tahap Tinggi bagi kesemua item permasalahan sosial *kecuali* "Membaca dan Menyaksikan Bahan Berunsur Lucah" (berbanding dengan Rendah dan Sederhana) adalah signifikan pada aras keertian 0.0001. Ujian chi-square juga mengesahkan bahawa persetujuan tahap Rendah bagi item permasalahan sosial "Membaca dan Menyaksikan Bahan Berunsur Lucah" adalah signifikan pada aras keertian 0.0001.

Nilai min skor (purata) bagi setiap item juga mengesahkan bahawa majoriti responden memberikan tahap persetujuan yang tinggi kepada semua item *kecuali* "Membaca atau Menyaksikan Bahan Berunsur Lucah". Nilai sisihan piawai yang rendah menunjukkan para responden memberikan tahap persetujuan yang berhampiran dengan min. Kesimpulannya, responden bersetuju bahawa penghijrahan menyumbang kepada kesemua item

permasalahan sosial berikut, mengikut susunan keutamaan: (1) Menyertai kumpulan lumba haram; (2) Mengambil minuman keras; (3) Melakukan seks luar nikah; (4) Mengambil dadah; (5) Berjudi; (6) Mengambil barang bukan milik sendiri apabila tidak berkemampuan untuk membelinya; (7) Merosakkan harta awam pondok telefon awam, tandas, dan mencalar kereta awam; serta (8) Menyerang/mengugut seseorang dengan senjata seperti kayu, kaca, pisau dan sebagainya. Keputusan analisis ini mendapati hipotesis 2 yang menyatakan penghijrahan menyumbang kepada permasalahan sosial adalah diterima.

Respon para responden ke atas isu pengaruh media elektronik (radio) ke atas penghijrahan belia juga turut dibahagikan kepada tiga tahap persetujuan, iaitu Rendah, Sederhana dan Tinggi. Taburan Frekuensi dan Peratusan menunjukkan bahawa majoriti responden memberikan tahap persetujuan yang tinggi kepada semua item, *kecuali* item yang mengatakan mereka "tidak terpengaruh dengan media elektronik (radio)". Ujian chi-square mengesahkan bahawa persetujuan tahap Tinggi bagi kesemua item, *kecuali* item yang mengatakan mereka "tidak terpengaruh dengan media elektronik (radio)" itu adalah signifikan pada aras keertian 0.0001. Ujian chi-square juga mengesahkan bahawa persetujuan tahap Rendah bagi item yang mengatakan mereka tidak terpengaruh dengan media elektronik (radio) adalah signifikan pada aras keertian 0.0001. Nilai min skor (purata) bagi setiap item juga mengesahkan bahawa majoriti responden memberikan tahap persetujuan yang tinggi kepada semua item. Nilai sisihan piawai yang rendah menunjukkan para responden memberikan tahap persetujuan yang berhampiran dengan min.

Kesimpulannya, responden bersetuju bahawa media elektronik (radio) mempengaruhi mereka untuk berhijrah. Susunan item berkenaan isu ini mengikut keutamaan adalah seperti berikut: (1) Sering mendengar radio semasa di luar bandar; (2) Penyampai radio banyak menceritakan tentang kegemilangan kehidupan di bandar; (3) Iklan-iklan di radio berkaitan dengan pusat-pusat membeli belah, menarik minat saya untuk berhijrah ke bandar; (4) Jawatan kosong di bandar yang diiklankan adalah daya tarikan yang kuat untuk saya berhijrah; (5) Tanpa maklumat berhubung dengan bandar melalui rancangan-rancangan dan iklan-iklan di radio tidak akan mempengaruhi saya untuk berhijrah; (6) Saya memikirkan bandar bila mendengar radio tentang bandar dan keindahannya; (7) Iklan tentang barang-barang jenama seperti kasut/baju *adidas*, *puma*, *alfio raldo* membuat saya tertarik dengan bandar; dan (8) Saya mendengar rancangan-rancangan radio khusus untuk mendapatkan maklumat tentang bandar. Keputusan analisis ini mendapati hipotesis 3 yang menyatakan belia terpengaruh dengan media elektronik (radio) adalah diterima.

Respon para responden ke atas isu penghijrahan membawa perubahan kepada pembangunan negara juga turut dibahagikan kepada tiga tahap persetujuan, iaitu Rendah, Sederhana dan Tinggi. Taburan Frekuensi dan Peratusan menunjukkan bahawa majoriti responden

memberikan tahap persetujuan yang Tinggi kepada semua item, *kecuali* item yang mengatakan mereka “berhijrah kerana tertarik dan ingin berkecimpung dalam politik”. Ujian chi-square mengesahkan bahawa persetujuan tahap Tinggi bagi kesemua item, *kecuali* item yang mengatakan mereka “berhijrah kerana tertarik dan ingin berkecimpung dalam politik” adalah signifikan pada aras keertian 0.0001. Ujian chi-square juga mengesahkan bahawa persetujuan tahap Rendah bagi item yang mengatakan mereka berhijrah kerana “tertarik dan ingin berkecimpung dalam politik” adalah signifikan pada aras keertian 0.0001. Nilai min skor (purata) bagi setiap item juga mengesahkan bahawa majoriti responden memberikan tahap persetujuan yang tinggi kepada semua item, *kecuali* item yang mengatakan mereka “berhijrah kerana tertarik dan ingin berkecimpung dalam politik”. Nilai sisihan piawai yang rendah menunjukkan para responden memberikan tahap persetujuan yang berhampiran dengan min.

Kesimpulannya, responden bersetuju bahawa penghijrahan membawa perubahan kepada pembangunan negara. Susunan item berkenaan isu ini mengikut keutamaan adalah seperti berikut: (1) Belia merupakan sumber tenaga yang amat penting di sektor perkilangan yang amat memerlukan tenaga; (2) Bekerja di kilang dapat menyumbang pembangunan ekonomi negara melalui peningkatan daya pengeluaran atau produktiviti sesebuah perusahaan atau kilang; (3) Penghijrahan belia membantu meningkatkan ekonomi negara melalui penglibatan dalam bidang perniagaan; (4) Penglibatan belia dalam politik adalah sebagai pelapis; (5) Penghijrahan belia mengurangkan pengaliran keluar wang ke luar negara kerana negara tidak perlu mengambil buruh asing; (6) Belia yang berhijrah ke bandar untuk melanjutkan pelajaran/ mendapatkan kemahiran; (7) Penghijrahan belia ke bandar akan mewujudkan ruang dan peluang bagi belia, khususnya dalam kepemimpinan persatuan belia seperti Majlis Belia Malaysia, Majlis Belia Asia, Majlis Belia Dunia dan lain-lain; dan (8) Golongan belia mempunyai bakat terpendam dalam bidang kesenian, kebudayaan, nyanyian, tarian, lakonan, penulisan sajak/puisi, cerpen dan lain-lain. Keputusan ini bermakna bahawa pada kesignifikan ini hipotesis 4 yang menyatakan terdapat hubungan di antara penghijrahan dapat membawa perubahan terhadap pembangunan negara dari aspek ekonomi, sosial dan politik adalah diterima.

Respon para responden kepada isu kemiskinan sebagai faktor yang menyumbang kepada penghijrahan dibahagikan kepada tiga tahap persetujuan, iaitu Rendah, Sederhana dan Tinggi. Taburan Frekuensi dan Peratusan menunjukkan bahawa majoriti responden memberikan tahap persetujuan yang tinggi kepada semua item. Ujian chi-square mengesahkan bahawa persetujuan tahap Tinggi berbanding dengan Rendah dan Sederhana adalah signifikan pada aras keertian 0.0001. Nilai min skor (purata) bagi setiap item juga mengesahkan bahawa majoriti responden memberikan tahap persetujuan yang tinggi kepada semua item.

Kesimpulannya, responden bersetuju bahawa faktor kemiskinan menyumbang kepada penghijrahan berasaskan kepada premis-premis berikut yang mereka persetujui, mengikut susunan keutamaan: (1) Ibu bapa di luar bandar tidak mempunyai pendapatan tetap; (2) Peluang untuk meningkatkan pendapatan di kampung adalah rendah; (3) Pendapatan ibu bapa tidak mencukupi untuk menampung keluarga; (4) Pertanian di luar bandar masih menggunakan alat-alat tradisional; (5) Tanah di kampung terhad untuk menjalankan aktiviti ekonomi; (6) Tidak terdapat infrastruktur seperti sekolah, hospital, elektrik, jalan raya, kedai yang sempurna; (7) Ahli dalam keluarga terlalu ramai; (8) Keadaan keluarga di luar bandar tak ubah seperti “kais pagi makan pagi, kais petang makan petang”; dan (9) Tidak terdapat kemudahan asas yang sempurna. Keputusan ini bermakna bahawa pada kesignifikan ini hipotesis 5 yang menyatakan terdapat hubungan di antara faktor kemiskinan di luar bandar menyumbang kepada penghijrahan adalah diterima.

Respon para responden kepada isu “peluang pekerjaan yang banyak di luar bandar telah menarik minat belia berhijrah ke bandar” juga turut dibahagikan kepada tiga tahap persetujuan, iaitu Rendah, Sederhana dan Tinggi. Taburan Frekuensi dan Peratusan menunjukkan bahawa majoriti responden memberikan tahap persetujuan yang tinggi kepada semua item, *kecuali* item yang mengatakan mereka “mementingkan keselesaan dalam pekerjaan”. Ujian chi-square mengesahkan bahawa persetujuan tahap Tinggi bagi kesemua item, *kecuali* item yang mengatakan mereka “mementingkan keselesaan dalam pekerjaan” adalah signifikan pada aras keertian 0.0001. Ujian chi-square juga mengesahkan bahawa persetujuan tahap Rendah bagi item yang mengatakan mereka mementingkan keselesaan dalam pekerjaan adalah signifikan pada aras keertian 0.0001. Nilai min skor (purata) setiap item juga mengesahkan bahawa majoriti responden memberikan tahap persetujuan yang tinggi kepada semua item, *kecuali* item yang mengatakan mereka “mementingkan keselesaan dalam pekerjaan”. Nilai sisihan piawai yang rendah menunjukkan para responden memberikan tahap persetujuan yang berhampiran dengan min.

Kesimpulannya, responden bersetuju bahawa peluang pekerjaan yang banyak di luar bandar telah menarik minat belia berhijrah ke bandar. Susunan berkenaan isu ini mengikut keutamaan adalah seperti berikut: (1) Pelbagai peluang pekerjaan yang terdapat di bandar mempengaruhi keputusan saya untuk berhijrah; (2) Pendapatan yang lumayan di bandar mendorong saya berhijrah; (3) Pekerjaan yang tetap di bandar menjamin masa depan; (4) Bekerja sebagai petani tidak dapat meningkatkan kehidupan; (5) Saya amat tidak menggemari bekerja di ladang atau di laut sebagai petani/nelayan; (6) Senang untuk mendapatkan pekerjaan yang lain di bandar jika diberhentikan; (7) Selain dari pekerjaan di sektor perkilangan, terdapat peluang pekerjaan di sektor kerajaan dan swasta; dan (8) Pekerjaan dalam sektor perkilangan/perindustrian amat digemari. Keputusan ini bermakna bahawa pada kesignifikan ini hipotesis 6 yang menyatakan terdapat hubungan di antara faktor peluang pekerjaan

yang banyak di luar bandar telah menarik minat belia berhijrah ke bandar adalah diterima.

Respon para responden kepada isu faktor penolakan dan faktor penarikan dibahagikan kepada tiga tahap persetujuan, iaitu Rendah, Sederhana dan Tinggi. Taburan Frekuensi dan Peratusan menunjukkan bahawa majoriti responden memberikan tahap persetujuan yang tinggi kepada semua item, *kecuali* item yang menyatakan “ingin berdikari dan berjauhan dari ibu bapa” sebagai faktor penolakan. Ujian chi-square mengesahkan bahawa persetujuan tahap Tinggi bagi kesemua item, *kecuali* item yang menyatakan “ingin berdikari dan berjauhan dari ibu bapa” sebagai faktor penolakan adalah signifikan pada aras keertian 0.0001. Ujian chi-square juga mengesahkan bahawa persetujuan tahap Rendah bagi item yang menyatakan “ingin berdikari dan berjauhan dari ibu bapa” sebagai faktor penolakan adalah signifikan pada aras keertian 0.0001. Nilai min skor (purata) bagi setiap item juga mengesahkan bahawa majoriti responden memberikan tahap persetujuan yang tinggi kepada semua item, *kecuali* item yang menyatakan “ingin berdikari dan berjauhan dari ibu bapa” sebagai faktor penolakan. Nilai sisihan piawai yang rendah menunjukkan para responden memberikan tahap persetujuan yang berhampiran dengan min.

Kesimpulannya, berikut adalah faktor-faktor penolakan dan penarikan yang mengikut persepsi responden, mengikut susunan keutamaan: (1) Pekerjaan yang banyak di bandar merupakan faktor penarikan; (2) Peluang-peluang pendidikan adalah faktor penarikan belia ke bandar; (3) Kemiskinan merupakan faktor penolakan; (4) Peluang pekerjaan yang terhad di luar bandar merupakan faktor penolakan; (5) Pendapatan yang lumayan merupakan faktor penarikan; (6) Kejayaan rakan sekampung yang berhijrah ke bandar adalah faktor penarikan; (7) Kemudahan asas yang tidak sempurna di luar bandar merupakan faktor penolakan; dan (8) Pusat-pusat hiburan merupakan faktor tarikan. Keputusan ini bermakna bahawa pada kesignifikan ini hipotesis 7 yang menyatakan terdapat hubungan di antara faktor penarikan di bandar dan faktor penolakan di luar bandar adalah diterima.

Dalam kajian ini, metod analisis ujian-t juga telah digunakan. Ia digunakan bagi melihat perbezaan/perbandingan min subjek kumpulan lelaki dan subjek kumpulan perempuan ke atas sebab berhijrah dari luar bandar ke bandar, penghijrahan menyumbang kepada permasalahan sosial, terpengaruh dengan media elektronik (radio), penghijrahan dapat membawa perubahan terhadap pembangunan negara dari aspek ekonomi, sosial dan politik, faktor kemiskinan di luar bandar menyumbang kepada penghijrahan, peluang pekerjaan yang banyak di bandar telah menarik minat belia berhijrah ke bandar dan faktor penarikan di bandar dan faktor penolakan di luar bandar.

Nilai kebarangkalian ujian-t (*independent sample t-test*) adalah tidak signifikan untuk semua item ($p > 0.05$). Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara respon lelaki dan perempuan pada pendapat mereka mengenai sebab-sebab penghijrahan mereka ke bandar. Dengan lain

perkataan, pendapat mereka adalah lebih kurang sama. Nilai kebarangkalian ujian-t (*independent sample t-test*) adalah signifikan untuk item “Menyerang/ mengugut seseorang dengan senjata seperti kayu, kaca, pisau dan sebagainya” ($t_{(df=44.119)}=2.036, p=0.048$). Ini menunjukkan bahawa responden lelaki dan responden perempuan adalah berbeza secara signifikan terhadap isu ini. Nilai min menunjukkan, responden lelaki mempunyai skor min yang lebih tinggi berbanding dengan responden perempuan. Nilai kebarangkalian ujian-t adalah tidak signifikan bagi item-item yang lain ($p > 0.05$). Ini menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara responden lelaki dan perempuan pada item item yang lain.

Nilai kebarangkalian ujian-t (*independent sample t-test*) adalah tidak signifikan untuk semua item ($p > 0.05$). Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara responden lelaki dan perempuan pada pendapat mereka mengenai pengaruh media elektronik (radio) terhadap penghijrahan. Dengan lain perkataan, pendapat mereka adalah lebih kurang sama. Nilai kebarangkalian ujian-t (*independent sample t-test*) adalah tidak signifikan untuk semua item ($p > 0.05$). Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara responden lelaki dan perempuan pada pendapat mereka mengenai penghijrahan membawa perubahan kepada pembangunan negara.

Nilai kebarangkalian ujian-t (*independent sample t-test*) adalah tidak signifikan untuk semua item ($p > 0.05$). Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara responden lelaki dan perempuan pada pendapat mereka mengenai faktor kemiskinan di luar bandar menyumbang kepada penghijrahan.

Nilai kebarangkalian ujian-t (*independent sample t-test*) adalah tidak signifikan untuk semua item ($p > 0.05$). Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara responden lelaki dan perempuan pada pendapat mereka bahawa mengenai peluang pekerjaan yang banyak di bandar telah menarik minat belia berhijrah ke bandar.

Nilai kebarangkalian ujian-t (*independent sample t-test*) adalah tidak signifikan untuk semua item ($p > 0.05$). Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara responden lelaki dan perempuan pada pendapat mereka bahawa mengenai faktor penarikan di bandar dan faktor penolakan di luar bandar.

Untuk melihat hubungan di antara umur dengan sebab-sebab berhijrah dari luar bandar ke bandar, permasalahan sosial, pengaruh media elektronik, penghijrahan membawa perubahan kepada pembangunan negara, faktor kemiskinan menyumbang kepada penghijrahan, peluang pekerjaan di bandar menarik minat belia berhijrah dan faktor penolakan dan faktor penarikan metod pekali korelasi Pearson (r) telah digunakan.

Wujud hubungan linear negatif yang signifikan di antara kesemua item dengan umur pada aras keertian 0.005. Ini menunjukkan bahawa semakin tua

usia responden, semakin kurang persetujuan mereka ke atas item-item (yang menunjukkan sebab-sebab mereka ke bandar).

Wujud hubungan linear positif yang signifikan dan kuat di antara item permasalahan sosial membaca atau menyaksikan bahan berunsur lucu dengan umur pada aras keertian 0.005. Ini bermakna semakin muda usia responden, semakin tinggi persetujuan mereka ke atas item permasalahan sosial membaca atau menyaksikan bahan berunsur lucu. Wujud juga hubungan linear negatif yang signifikan di antara item-item yang lain, dengan umur pada aras keertian 0.005. Ini menunjukkan bahawa semakin tua usia responden, semakin kurang persetujuan mereka ke atas item-item permasalahan sosial yang lain.

Wujud hubungan linear positif yang signifikan di antara item tidak terpengaruh oleh media elektronik (radio) dengan umur pada aras keertian 0.005. Ini bermakna semakin tua usia responden, semakin tinggi persetujuan mereka bahawa mereka tidak terpengaruh oleh media elektronik (radio). Wujud juga hubungan linear negatif yang signifikan di antara item-item yang lain dengan umur pada aras keertian 0.005. Ini menunjukkan bahawa semakin tua usia responden, semakin kurang mereka terpengaruh dengan media elektronik (radio).

Wujud hubungan linear positif yang signifikan di antara pendapat bahawa responden berhijrah kerana berminat dan ingin berkecimpung di dalam politik dengan umur pada aras keertian 0.025. Ini bermakna semakin tua usia responden, semakin tinggi persetujuan mereka bahawa mereka berhijrah didorong oleh rasa minat mereka dan keinginan mereka untuk berkecimpung di dalam politik.

Wujud juga hubungan linear negatif yang signifikan di antara item-item yang lain dengan umur pada aras keertian 0.005 dan 0.025. Ini menunjukkan bahawa semakin tua usia responden, semakin kurang keyakinan mereka bahawa penghijrahan membawa perubahan kepada pembangunan negara.

Tiada hubungan linear yang signifikan di antara umur dengan pendapat bahawa golongan belia mempunyai bakat terpendam dalam bidang kesenian, kebudayaan, nyanyian, tarian, lakonan, penulisan sajak/puisi, cerpen dan lain-lain.

Wujud hubungan linear negatif yang signifikan di antara kesemua item dengan umur pada aras keertian 0.005. Ini menunjukkan bahawa semakin tua usia responden, semakin kurang persetujuan mereka bahawa faktor kemiskinan menyumbang kepada penghijrahan.

Wujud hubungan linear positif yang signifikan di antara pendapat bahawa responden berhijrah kerana mementingkan keselesaan dalam pekerjaan dengan Lunar pada aras keertian 0.005. Ini bermakna semakin tua usia responden, semakin tinggi persetujuan mereka bahawa mereka mementingkan keselesaan dalam pekerjaan.

Wujud juga hubungan linear negatif yang signifikan di antara item-item yang lain dengan umur pada aras keertian 0.005. Ini menunjukkan bahawa

semakin tua usia responden, semakin kurang keyakinan mereka bahawa peluang pekerjaan di bandar menarik minat belia berhijrah.

Tiada hubungan linear yang signifikan di antara umur dengan pendapat bahawa pekerjaan dalam sektor perkilangan/perindustrian amat digemari.

Wujud hubungan linear positif yang signifikan di antara pendapat bahawa ingin berdikari dan berjauhan dari ibu bapa adalah faktor penolakan dengan umur pada aras keertian 0.005. Ini bermakna semakin tua usia responden, semakin tinggi persetujuan mereka bahawa ingin berdikari dan berjauhan dari ibu bapa adalah faktor penolakan. Wujud juga hubungan linear negatif yang signifikan di antara item-item yang lain dengan umur pada aras keertian 0.005. Ini menunjukkan bahawa semakin tua usia responden, semakin kurang persetujuan mereka ke atas item-item tersebut.

PERBINCANGAN:

A.PENGHIJRAHAN DAPAT MENINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN BELIA

Keputusan kajian mengesahkan bahawa belia yang berhijrah dari luar bandar ke bandar telah dapat meningkatkan taraf kehidupan mereka kerana mendapat pekerjaan yang baik dan gaji yang tinggi serta pelbagai kemudahan asas seperti tempat tinggal, pengangkutan dan bonus tahunan. Justeru itu, ini dapat mengatasi masalah kemiskinan yang dihadapi oleh keluarga mereka di luar bandar. Seratus peratus daripada 110 responden yang ditemuramah mengatakan tahap ekonomi mereka meningkat sebaik sahaja mendapat pekerjaan di bandar. Pendapatan di bandar adalah lebih tinggi berbanding dengan pendapatan di luar bandar. Ini membolehkan responden hidup dalam keadaan yang lebih selesa dan terjamin. Persekitaran di bandar telah banyak membawa perubahan minda di kalangan responden. Kajian ini turut menunjukkan rata-rata responden mengatakan bahawa mereka mengunjungi pusat-pusat sumber seperti perpustakaan di kawasan tempat mereka bekerja. Ini membolehkan mereka meningkatkan pelbagai ilmu dan pengetahuan kerana keadaan ini berlainan apabila mereka berada di luar bandar. Di luar bandar kurang terdapat pusat-pusat sumber seperti perpustakaan. Ditambah pula dengan kekurangan buku-buku berbentuk ilmiah dan pengetahuan.

Kajian ini menunjukkan keadaan yang serba kekurangan di luar bandar membuat responden tidak berminat untuk membaca dan meningkatkan ilmu pengetahuan mereka. Mereka lebih suka menghabiskan masa melepak dengan teman-teman yang senasib dengan mereka. Daripada 93.6% atau 103 responden mengatakan kehidupan di luar bandar membawa kepada kemunduran dari aspek ekonomi dan minda. Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO, *International Labor Organization*) menganggarkan bahawa pada tahun 1972 terdapat kira-kira 1,250 juta keluarga yang dikelaskan ke dalam golongan terlalu miskin. Di Malaysia kadar kemiskinan pada tahun 1997 ialah sebanyak 6.8% dan meningkat sebanyak 8.5% pada tahun 1998. Pada tahun 1997, purata keseluruhan isi rumah yang miskin ialah 346 dan

meningkat pada tahun 1998 sebanyak 414 isi rumah yang miskin. Sementara purata keseluruhan golongan yang termiskin di Malaysia pada tahun 1997 ialah sebanyak 1.4% dan meningkat pada tahun 1998 sebanyak 1.7%. Dengan wujudnya fenomena penghijrahan beramai-ramai belia dari luar bandar ke bandar telah dapat membantu pihak kerajaan menangani dan mengurangkan masalah kemiskinan yang dialami oleh penduduk di Malaysia, khususnya yang tinggal di luar bandar (Abdul Samad Hadi, 1981; dan Anuar Ali & Rajah Rasiah, 1996).

B. PENGHIJRAHAN MENYUMBANG KEPADA PERMASALAHAN SOSIAL

Kajian ini menunjukkan bahawa semakin ramai belia berhijrah ke bandar semakin bertambah permasalahan sosial yang mereka terlibat. Dapatan kajian ini melalui ujian Chi-Square mengesahkan bahawa rata-ratanya responden bersetuju bahawa mereka terlibat dengan perlakuan devian seperti menyertai kumpulan lumba haram, mengambil minuman keras, melakukan seks luar nikah, mengambil dadah, berjudi, mengambil barang bukan milik sendiri apabila tidak berkemampuan untuk membelinya, merosakkan harta awam seperti pondok telefon awam, tandas, mencalar kereta awam dan menyerang/memukul seseorang dengan senjata seperti kayu, kaca, pisau dan sebagainya. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh tekanan, kekecewaan dan pengaruh rakan sebaya. Mengikut A.W. David, T.J. Carter & R.D. Perrin (1994), tekanan boleh menghasilkan kebangkitan kelansangan dan kemarahan. Kemarahan ini boleh menjadikan seseorang itu bertindak melakukan perbuatan negatif. Sementara itu R.L. Akers *et al.* (1979) pula mengatakan bahawa remaja cenderung melakukan tingkah-laku devian setelah mereka mempelajari atau dipengaruhi oleh tingkah-laku devian rakan sebaya. Teori Pengecewaan Status menyatakan bahawa ketidakseimbangan di antara kehendak dan matlamat dalam sesuatu kumpulan itu akan menyebabkan seseorang menjadi tertekan dan menghadapi konflik (Thio, 1995; dan Mohd. Makzan Musa, 1997). Justeru itu, mendorong mereka untuk melakukan sesuatu yang luar daripada kehidupan norma-norma sosial dan agama. Keadaan selain itu, Teori Pembelajaran Sosial dari R.L. Akers *et al.* (1979) menjelaskan bahawa tingkah-laku devian wujud akibat pergaulan dengan individu lain yang memberi penegasan terhadap tingkah-laku tertentu. Proses mencontohi dan penegasan akan membawa kepada tingkah-laku devian sekiranya mereka saling menyokong (Jackson, 1986; Baron & Byrne, 1987; dan Azizan Bahari, 1995b).

C. PENGHIJRAHAN TERPENGARUH DENGAN MEDIA ELEKTRONIK (RADIO)

Keputusan ini menunjukkan bahawa semakin tinggi pengaruh media massa, khususnya media elektronik, yang menekankan tentang peluang-peluang pekerjaan yang ada di bandar dan keindahan bandar semakin tinggi semangat mereka untuk berhijrah. Daripada 89.1% atau 98 responden sering mendengar radio semasa berada di luar bandar dan mereka amat terpengaruh dengan penyampai radio yang sering menceritakan tentang

kegemilangan situasi dan kehidupan di bandar. Daripada 90% atau 99 responden mengatakan bahawa mereka terpengaruh dengan iklan-iklan di radio yang berkaitan dengan pusat-pusat membeli belah yang menarik minat mereka untuk berhijrah ke bandar. Ini membuktikan bahawa media massa elektronik memainkan peranan penting dalam mempengaruhi nilai, sikap dan tingkah-laku remaja, selaras dengan dapatan kajian-kajian lain yang mendapati bahawa media elektronik amat mempengaruhi perspesi subjek kajian (Hairi Abdullah, 1975/1976; Azizan Bahari, 1995a; dan Jones, 1995).

D. PENGHIJRAHAN DAPAT MEMBAWA PERUBAHAN TERHADAP PEMBANGUNAN NEGARA DARI ASPEK EKONOMI, SOSIAL DAN POLITIK

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penghijrahan dapat membawa perubahan terhadap pembangunan negara dari aspek ekonomi, sosial dan politik. Daripada 99.1% atau 109 responden mengatakan bahawa belia merupakan sumber tenaga yang amat penting di sektor perkilangan. Penghijrahan golongan belia ke bandar dapat meningkatkan daya pengeluaran atau produktiviti sesebuah perusahaan atau kilang. Ini kerana golongan belia merupakan sumber tenaga yang amat penting, terutamanya di sektor perkilangan yang amat memerlukan tenaga kerja yang ramai daripada kalangan belia. Apatah lagi jikalau belia yang berhijrah itu mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang tertentu seperti vokasional dan teknikal. Penghijrahan golongan belia ke bandar-bandar juga boleh membantu pihak kerajaan mengurangkan pengaliran keluar wang ke luar negara. Apabila ramai tenaga kerja daripada golongan belia tempatan bekerja di bandar, maka negara kita tidak perlu mengambil buruh asing. Daripada 99.1% atau 109 responden bersetuju bahawa penghijrahan belia dapat mengurangkan pengaliran keluar wang ke luar negara kerana negara tidak perlu mengambil tenaga buruh asing.

Golongan belia yang berhijrah ke bandar disamping mencari pekerjaan untuk meningkatkan kualiti kehidupan mereka juga mempunyai tujuan untuk melanjutkan pelajaran atau mendapatkan kemahiran. Tidak dinafikan bahawa di bandar banyak terdapat sekolah-sekolah vokasional, teknik atau Pusat Giat Mara, kolej, maktab, universiti awam, dan swasta. Sebagaimana yang dijelaskan oleh C.F. Ayres (1990) dalam bukunya yang bertajuk *The Theory of Economic Growth* bahawa pelajaran atau pendidikan adalah syarat yang paling utama untuk pembangunan ekonomi negara. Sesebuah masyarakat boleh berdiri di atas kaki sendiri, sebagaimana contohnya negara Jepun, andainya mereka mempunyai tenaga mahir dan terlatih (Conyers, 1992; dan Papalia, Olds & Feldman, 2001). Jadi, golongan belia yang mempunyai kemahiran, contohnya dalam bidang pertanian moden, mekanik, pembinaan dan sebagainya, akan menjadi aset yang penting untuk membantu komuniti di luar bandar, sama ada di tempat mereka sendiri atau sebaliknya. Apabila mereka tamat pengajian maka mereka akan cuba mempraktikkan kemahiran

yang ada, contohnya berkecimpung dalam bidang pertanian moden yang berbentuk komersil dalam penanaman sayur-sayuran atau buah-buahan secara hidrofonik dan kaedah bioteknologi dalam bidang penternakan dengan cara menggunakan kaedah kacukan benih haiwan ternakan seperti kacukan benih lembu dengan seladang untuk menghasilkan jenis baka lembu yang bermutu tinggi dan cepat membesar dan membiak serta hasil daging lembu yang baik. Ini secara langsung dapat mewujudkan pekerjaan kepada penduduk luar bandar di sektor pertanian dan penternakan (Nor Lalily & Yusuff Yunus, 1982).

Pembangunan dalam bidang sosial ekoran daripada penghijrahan golongan belia ke bandar juga boleh dilihat dari aspek kebudayaan dan kesenian. Golongan belia yang mempunyai bakat terpendam dalam bidang kesenian, kebudayaan, nyanyian, lakonan, penulisan sajak/puisi, cerpen dan lain-lain tidak akan dapat mengembangkan bakat mereka jika mereka berada di luar bandar. Bakat mereka hanya boleh dikembangkan dengan berhijrah ke bandar kerana mereka akan mendapat pendedahan yang lebih luas lagi dengan mereka yang telah mempunyai pengalaman dalam bidang kesenian yang mana majoritinya tinggal di bandar. Daripada 97.3% atau 107 responden mengatakan bahawa golongan belia mempunyai bakat yang terpendam dalam bidang kesenian, kebudayaan, nyanyian, lakonan dan lain-lain. Bakat yang mereka perolehi ini hanya akan dapat dikembangkan dengan lebih meluas di bandar kerana peluang yang tidak terhad ini ada di bandar (Mohd. Amiruddin Fawzi Bahaudin, 1985; dan Mohd. Yaakub Hj. Johari & Baldev S. Sidhu, 1989).

E. FAKTOR KEMISKINAN DI LUAR BANDAR MENYUMBANG KEPADA PENGHIJRAHAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa salah satu sebab berlakunya fenomena penghijrahan belia dari luar bandar ke bandar adalah disebabkan oleh faktor kemiskinan yang tinggi di luar bandar. Daripada 98.2% atau 108 responden yang ditemuramah mengatakan bahawa ibu bapa mereka tidak mempunyai pekerjaan dan pendapatan yang tetap. Min bagi pendapatan tidak tetap ibu bapa responden ialah 5.85. Keadaan ini yang mendorong mereka untuk berhijrah ke bandar kerana pendapatan ibu bapa tidak mencukupi untuk menampung keluarga. Rata-ratanya responden mengatakan bahawa ahli dalam keluarga mereka terlalu ramai dan ini menyulitkan lagi keadaan keluarga mereka yang hanya bekerja sebagai nelayan dan petani. Di samping itu tidak terdapat infrastruktur yang secukupnya di luar bandar seperti sekolah, hospital, elektrik, jalan raya dan kedai, serta tidak terdapat kemudahan asas yang sempurna. Keadaan yang serba kekurangan ini amat membosankan mereka dan mendorong mereka untuk mencari keselesaan dan kepuasan di bandar yang selama ini tidak pernah mereka alami semasa di berada di luar bandar (Yap, 1975; Yamamoto, 1976; dan Jones & Rithcer, 1981).

F. PELUANG PEKERJAAN YANG BANYAK DI BANDAR TELAH MENARIK MINAT BELIA BERHIJRAH KE BANDAR

Peluang pekerjaan yang banyak di bandar merupakan dorongan yang kuat terhadap penghijrahan golongan belia ke bandar. Ini disebabkan terdapat pelbagai peluang pekerjaan, khususnya di sektor perkilangan atau perindustrian. Di samping pendapatan yang amat lumayan. Ujian Chi-Square mengesahkan bahawa 57.3% atau 63 responden ditahap yang tinggi mengatakan bahawa mereka menggemari pekerjaan dalam sektor perkilangan/perindustrian dan 40% atau 44 responden berada ditahap yang sederhana. Hal ini juga sesuai dengan kajian-kajian yang telah pun dilakukan di negara-negara luar bahawa faktor mendapatkan pekerjaan yang lebih baik merupakan pendorong daripada proses penghijrahan (Buechler & Buechler, 1975; Curtain, 1990; dan Jones & Wallace, 1992)

FAKTOR PENARIKAN DAN PENOLAKAN DI BANDAR SERTA CADANGAN UNTUK MENGATASI MASALAH PENGHIJRAHAN BELIA DARI LUAR BANDAR KE BANDAR

Antara faktor-faktor penolakan di luar bandar yang menyumbang kepada penghijrahan belia ke bandar adalah kemiskinan (min=5.84), peluang pekerjaan yang terhad (min= 5.83), dan kemudahan asas yang tidak sempurna (min=5.63). Kesemua faktor-faktor yang tersebut mempunyai nilai min skor (purata) yang tinggi. Manakala faktor-faktor penarikan yang mendorong belia luar bandar berhijrah ke bandar adalah pekerjaan yang banyak di bandar (min=5.88), terdapat pusat-pusat hiburan (min=5.17), pendapatan yang lumayan (min=5.82), terdapat peluang-peluang pendidikan (min=5.87), dan kejayaan rakan sekampung yang berhijrah ke bandar (min=5.79). Keputusan menunjukkan bahawa nilai min skor (purata) bagi semua item yang tersebut mengesahkan bahawa majoriti daripada responden memberikan tahap persetujuan yang tinggi. Walau bagaimanapun, beberapa cadangan untuk mengatasi masalah penghijrahan belia dari luar bandar ke bandar adalah seperti berikut:

Pertama, memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan di luar bandar dengan mendirikan kilang-kilang perusahaan. Pengwujudan kilang-kilang dan peluang-peluang pekerjaan ini secara tidak langsung akan menyekat pengaliran keluar belia ke bandar.

Kedua, menubuhkan lebih banyak institusi pendidikan tinggi setanding dengan institusi pendidikan tinggi di bandar dengan segala kelengkapan fasiliti di kawasan luar bandar.

Ketiga, satu reformasi pertanian di luar bandar perlu dilakukan segera seperti menambahkan keluasan tanaman dan mengeksploitasikan teknologi moden dan terkini. Tujuannya ialah supaya pengeluaran hasil pertanian dapat ditingkatkan dan sekaligus meningkatkan hasil pendapatan. Pendapatan yang tinggi dijangka dapat "memikat" para belia daripada berhijrah ke bandar yang belum pasti untung baiknya.

Keempat, kerajaan perlu memajukan lagi industri desa seperti industri makanan ringan dan industri penghasilan kraf tangan agar dapat dikomersialkan. Contohnya industri membuat kerepek ubi, kuih-kuih, dan lain-lain. Ini secara tidak langsung akan mendatangkan keuntungan yang lumayan dan dapat menarik belia melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi di desa.

Kelima, pihak kerajaan hendaklah meneruskan usaha-usaha memajukan program-program ekonomi desa seperti projek menternak ikan air tawar, udang galah, udang harimau dan sebagainya.

Keenam, kerajaan perlu mengwujudkan keseimbangan kegiatan ekonomi dan bersesuaian di antara kawasan bandar dan luar bandar. Peranan kerajaan adalah penting untuk melaksanakan dasar yang bersesuaian untuk pembangunan komuniti di luar bandar, khususnya industri pelancongan yang mampu mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan belia luar bandar dan sekaligus menggalakkan pengembangan infrastruktur serta perkhidmatan-perkhidmatan yang lain untuk kesejahteraan penduduk luar bandar.

Ketujuh, pergerakan belia seperti Majlis Belia Malaysia dan pergerakan-pergerakan belia yang lain seharusnya bersikap peka dalam membantu menangani masalah ini. Penghijrahan beramai-ramai belia ke bandar akan meninggalkan impak kepada kekurangan tenaga kerja belia di luar bandar. Dengan merancang dan melaksanakan strategi yang efektif seperti mengadakan bengkel-bengkel kemahiran, seminar dan ceramah yang berkaitan dengan peningkatan kualiti hidup belia. Program-program yang sedia ada seperti belia berniaga, usahawan belia, koperasi belia, belia peladang, rancangan tanah belia, latihan vokasional dan sebagainya perlu digiatkan lagi ke arah melahirkan golongan belia luar bandar yang produktif dan bersemangat kental. Melalui penyertaan belia dengan program seumpama ini pastinya akan dapat membekalkan pengetahuan yang lebih kepada golongan belia. Jika mereka dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian seperti membuka pusat-pusat perniagaan seperti pusat kraf tangan dan perniagaan kecil-kecilan, ia akan dapat memberikan pulangan yang lumayan kepada mereka.

Kedelapan, memperbanyakkan pusat-pusat hiburan seperti *cyber-cafe*, pusat membeli belah, panggung wayang, tempat-tempat rekreasi, trek jogging dan kompleks sukan. Dengan adanya pusat-pusat hiburan dan rekreasi ini akan menghindar belia luar bandar untuk berhijrah ke bandar.

KESIMPULAN

Penghijrahan belia dari kawasan luar bandar ke bandar-bandar utama adalah digolongkan dalam kategori migrasi *internal*, atau dalaman, kerana ia cuma berlaku dalam sebuah negara yang sama, dan dalam konteks perbincangan ini negara yang dirujuk adalah Malaysia. Kajian ini telah mendapati beberapa faktor tolakan dan tarikan yang menyumbang kepada belia-belia dari luar bandar Sabah ke bandar-bandar utama Malaysia.

Antara faktor-faktor tolakan yang menyumbang kepada penghijrahan belia luar bandar ini adalah faktor ekonomi, faktor kemiskinan, faktor kekurangan kemudahan asas, tidak ada institusi pengajian tinggi dan kekurangan peluang pekerjaan. Melalui kajian ini telah didapati bahawa peluang-peluang pekerjaan di luar bandar amat kurang sekali. Kebanyakan daripada penduduk di luar bandar hanya bergantung kepada pertanian/nelayan sahaja. Golongan belia tidak berminat untuk bekerja sebagai petani/nelayan kerana mereka beranggapan bahawa pekerjaan seperti ini tidak menjanjikan pendapatan yang lumayan. Justeru itu mereka mengambil keputusan untuk berhijrah ke bandar dengan tujuan untuk mencari pekerjaan yang dapat menjamin masa depan mereka.

Faktor kemiskinan juga telah mendorong belia luar bandar untuk berhijrah. Ini disebabkan ibu bapa mereka hanya bergantung kepada pertanian dan perikanan sahaja sebagai sumber pendapatan seharian mereka. Kebanyakan daripada keluarga responden terdiri daripada keluarga yang besar dan menyebabkan keadaan keluarga terlalu daif. Maka untuk membebaskan diri dari belunggu kemiskinan ini golongan belia berhijrah untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka dengan bekerja di bandar yang menawarkan pendapatan bulanan yang lebih lumayan. Menurut Katiman Rostam (1988) dan juga kajian-kajian yang dilakukan oleh Hamzah Sendut (1961), A. Portes (1978), dan D.J. Walmsley & G.J. Lewis (1993) bahawa di luar bandar, kemudahan asas seperti jalan raya, hospital, pusat-pusat sumber/perpustakaan, rekreasi dan seumpamanya amat kurang sekali. Keadaan serba kekurangan asas ini telah mendorong belia luar bandar untuk berhijrah ke bandar agar mereka dapat mengecapi keselesaan yang ditawarkan di bandar. Kebanyakan pusat pengajian tinggi terletak di pusat bandar. Golongan belia yang telah tamat pengajian di sekolah menengah atas akan mengambil inisiatif untuk berhijrah ke bandar untuk menyambung pendidikan mereka ke tahap yang lebih tinggi di pelbagai institusi-institusi kerajaan atau swasta (Helen & Brian eds., 1975).

Penghijrahan belia yang semakin hari semakin meningkat adalah disebabkan oleh faktor-faktor penarikan yang terdapat di bandar. Belia kurang berminat untuk melibatkan diri dengan ekonomi sara diri atau kegiatan ekonomi pertama yang kurang elegan, maka di bandar adalah sebaliknya. Bandar dikatakan dapat menjamin kehidupan yang lebih selesa memandangkan wujudnya pelbagai peluang-peluang pekerjaan yang menawarkan gaji yang lumayan tanpa perlu berpanas, berhujan ataupun bermain dengan tanah. Sebagai sebuah bandar, sudah tentulah bandar menjanjikan peluang pekerjaan yang mudah, terutamanya di sektor perkilangan, perindustrian, perkhidmatan sosial dan diiringi dengan pelbagai intensif lain selain daripada gaji dan elaun bulanan (Elizaja, 1972; dan Todaro, 2000). Di samping itu di bandar juga terdapat bentuk hiburan yang boleh menarik golongan belia untuk berhijrah seperti pusat hiburan, pawagam (panggung wayang bergambar), karaoke, disko serta pelbagai bentuk hiburan yang akan memenuhi kehendak hiburan belia

yang tidak akan diperolehi di luar bandar. Dengan ini belia akan dapat merasa bahawa kepuasan hidup sebagai golongan muda akan tercapai dengan merasai pelbagai bentuk hiburan yang ada di bandar. Malah mereka menganggap kononnya bandar adalah “syurga dunia”. Apa yang diinginkan banyak dan mudah diperolehi di bandar bukan sahaja hiburan tetapi pergerakan individu turut tidak terbatas, segala kemudahan untuk riadah, kesihatan, kemudahan perhubungan dan pendidikan amat banyak terdapat di bandar (Khoo & Pirie, 1979; dan Katiman Rostam & Tengku Anuar Tengku Dalam, 1989). Dan inilah yang telah menjadi tarikan kepada belia untuk berhijrah ke bandar.

Golongan belia sering kali memberi anggapan bahawa masa depan akan lebih cerah dan terjamin jika bekerja atau meneruskan pengajian di kawasan bandar. Ini adalah disebabkan mereka sering beranggapan bahawa kawasan luar bandar sebagai kawasan yang tidak maju dan mundur dalam apa-apa jua perkara. Golongan belia berasa lebih bangga jika menuntut ilmu pengetahuan di bandar atau bekerja di bandar. Bandar merupakan proses pembangunan yang pesat dari masa ke semasa dan pelbagai kemajuan dalam bidang teknologi yang canggih akan bermula di kawasan bandar berbanding dengan kawasan luar bandar (Janson ed., 1970; dan Rohana Yusof, 1996).

Faktor penolakan dan faktor penarikan ini telah menyumbang kebanyakan golongan belia berhijrah ke bandar. Penghijrahan golongan belia ini telah memberi impak kepada kawasan bandar dan juga luar bandar. Golongan belia yang berpeluang meneruskan pengajian mereka di tahap yang lebih tinggi akan melahirkan golongan belia yang berkaliber dan berpotensi mempertingkatkan bakat dan kemahiran mereka sejajar dengan arus pembangunan yang sedang dialami oleh negara ini (Azizan Bahari, 1995b). Justeru itu mereka akan dapat menyumbang kepada pembangunan negara. Sebaliknya, penghijrahan belia yang semakin ramai ke bandar akan menyebabkan kekurangan golongan belia yang bekerja dalam sektor pertama di luar bandar (Yamamoto, 1976). Di kawasan bandar pula penghijrahan yang semakin ramai ini akan menyumbang kepada pelbagai masalah seperti kesesakan lalu-lintas, masalah sosial, masalah tempat tinggal yang terhad, kos kehidupan yang tinggi, pencemaran udara dan sebagainya (Ritzer, 1996; dan Schaefer, 2001).

Punca-punca penolakan dan penarikan penghijrahan akan memberi impak terhadap bandar dan luar bandar dari segi positif dan negatif. Penghijrahan yang tidak terkawal akan menjadi masalah kepada komuniti dan negara. Oleh itu penghijrahan beramai-ramai golongan belia muda dari luar bandar ke bandar-bandar utama di Malaysia haruslah dikawal dengan seimbangannya sebelum timbulnya masalah yang lebih sukar untuk dibendung.

Bibliografi

- Abdul Samad Hadi. (1981). "Population Mobility in Peninsular Malaysia: Evidence from Three Villages in Kuala Pilah, Negeri Sembilan". *Unpublished Ph.D. Dissertation*. Adelaide: The Finders University of South Australia.
- Akers, R.L. *et al.* (1979). "Social Learning and Deviant Behavior: A Specific Test of a General Theory" dalam *American Sociological Review*, 44, ms.636-655.
- Anuar Ali & Rajah Rasiah. (1996). *Perindustrian dan Pembangunan Ekonomi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayres, C.F. (1990). *The Theory of Economic Growth*. London: Longman.
- Azizan Bahari. (1995a). *Belia dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Azizan Bahari. (1995b). *Pergerakan Belia: Persoalan dan Prospek*. Kuala Lumpur: Instiut Kajian Dasar.
- Baron, R.A. & D. Byrne. (1987). *Social Psychology*. New York: Allyn and Bacon Inc.
- Buechler, Hans C. & Judith-Maria Buechler. (1975). "Los Suizos: Galician Migration to Switzerland" dalam I. Safa Helen & M. Du Toit Brian [eds.]. *Migration and Development*. Paris, The Hague: Mouton Publishers, ms.17-28.
- Coleman, J.C. & L. Hendry. (1996). *The Nature of Adolescence*. London: Routledge, 2nd edition.
- Conyers, D. (1992). *Perkenalkan Perancangan Sosial di Dunia Ketiga*. Terjemahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Curtain, Richard. (1990). "Labor Migration in Papua New Guinea: Primary School Leavers in the Towns-Present and Future Significance" dalam I. Safa Helen & M. Brian [eds.]. *Migration and Development*. Paris, The Hague: Mouton Publishers, ms.270-290.
- Dacey, J. & M. Kenny. (1997). *Adolescent Development*. Madison, WI: Brown & Benchmark Publishers, 2nd edition.
- David, A.W., T.J. Carter & R.D. Perrin. (1994). *Social Deviance: Being, Behaving and Branding*. London and New York: Allyn and Bacon.
- De Jong, G.F. & R.W. Gardner [eds.]. (1981). *Migration Decision Making*. New York: Pergamon.
- Elizaja, J.C. (1972). "Internal Migration: An Overview" dalam *International Migration Review*, 6,2, ms.121-146.
- Fellmann, J.D., A. Getis & J. Getis. (2003). *Human Geography: Landscapes of Human Activities*. New York: McGraw-Hill Higher Education, 7th Edition.
- Gilbert, A. & J. Gugler. (1982). *Cities, Poverty and Development*. London: Open University Press.
- Hairi Abdullah. (1975/1976). "Urbanisasi: Migrasi Desa-Bandar" dalam *Journal Antropologi dan Sosiologi*, Jilid IV. Bangi: Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UKM, KDN.9540.
- Hamzah Sendut. (1961). "Problems of Rural-Urban Migration" dalam *Community Development Bulletin*, 12,3, ms.86-90.
- Hardjono, J.M. (1977). *Transmigration in Indonesia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Helen, I. Safa & M. Du Toit Brian [eds.]. (1975). *Migration and Development*. Paris, The Hague: Mouton Publishers.
- Jackson, J.A. (1986). *Aspects of Modern Sociology: Migration*. Singapore: Longman Publisher.
- Janson, C.J. [ed.]. (1970). *Readings in the Sociology of Migration*. London: Pergamon.
- Jones, Gill. (1995). *Leaving Home*. Buckingham: Open University Press.
- Jones, Gill & Claire Wallace. (1992). *Youth, Family and Citizen*. Buckingham: Open University Press.
- Jones, G.W. & H.V. Rithcer. (1981). "Population, Mobility and Development" dalam *Development Studies Center*, No.27. Canberra: Australian National University.
- Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997, Edisi Ketiga.
- Katiman Rostam. (1988). *Pengantar Geografi Bandar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Katiman Rostam & Tengku Anuar Tengku Dalam. (1989). *Geografi Kemanusiaan*. Selangor Darul Ehsan: Nurul Enterprise.
- Khoo, S.E. & P. Pirie. (1979). *Female Rural-Urban Migration in Peninsular Malaysia*. Honolulu: East-West Population Institute.
- Kottak, C.P. (2000). *Anthropology: The Exploration of Human Diversity*. New York: McGraw-Hill Higher Education, 8th Edition.
- Mahmud Nazar Mohammad. (1992). *Pengantar Psikologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majalah *Dewan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Julai 1992.
- Majalah *Dewan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, November 1994.
- Mohd. Amiruddin Fawzi Bahaudin. (1985). *Pengenalan Kepada Perancangan Sosial*. Pulau Penang: Penerbit USM, Edisi Awal.
- Mohd. Makzan Musa. (1997). *Psikologi Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Mohd. Yaakub Hj. Johari & Baldev S. Sidhu. (1989). *Urbanisation and Development: Prospects and Policies for Sabah Beyond 1990*. Kota Kinabalu, Sabah: Institute for Development Studies.
- Nor Lalily & Yusuff Yunus. (1982). *Kependudukan dan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Papalia, D.E., W. Olds & R.D. Feldman. (2001). *Human Development*. Boston: McGraw Hill, 8th edition.
- Portes, A. (1978). "Migration and Underdevelopment" dalam *Politics and Society*, Vol.8, No.1, ms.1-48.
- Pryor, R.J. (1969). "Law of Migrations: The Experience of Malaysia and Other Countries" dalam *Geographica*, Vol.5, ms.65-76.
- Ritzer, George. (1996). *Sociological Theory*. USA: Mc Graw-Hill, 4th edition.
- Rohana Yusof. (1996). *Asas Sains Sosial: Dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Schaefer, R.T. (2001). *Sociology*. New York: McGraw-Hill Higher Education, 7th Edition.
- Thio, A. (1995). *Deviant Behavior*. New York: Harper Collins College Publishers, 4th edition.
- Todaro, M.P. (2000). *Economic Development*. England: Pearson Education Limited, 7th Edition.
- Walmsley, D.J. & G.J. Lewis. (1993). *People and Environment: Behavioural Approaches in Human Geography*. New York: Longman Scientific and Technical, 2nd Edition.
- Wood, White P. (1980). *The Geographical Impacts of Migration*. London: Longman.
- Yamamoto, K. (1976). "Migration of Rural Labor in Malaysia". *Paper for International Symposium on Rural Labor and Economic Development in Asia*, 9-12 November, Institute of Developing Economic, Tokyo, Japan.
- Yap, L. (1975). "Internal Migration in Less Developed Countries: A Survey Literature" dalam *World Bank Staff Working Paper*. Washington D.C.: t.p.